



KENALI CORPORATE REGISTRY SYSTEM

Pendaftaran Gadaian

Q ADAKAH PENDAFTARAN GADAIAN YANG MASIH DALAM TEMPOH SERAH SIMPAN (30 HARI DALAM TEMPOH UJUDAN GADAIAN) YANG TIDAK DAPAT DISERAH SIMPAN AKIBAT PENUTUPAN SISTEM SEDIA ADA DAN KETIDAKSTABILAN SISTEM SELEPAS Go-Live CRS MEMERLUKAN PERINTAH MAHKAMAH?



✓ **TIDAK.**



Tempoh serah simpan telah **dilanjutkan** berikutan penutupan sistem legasi SSM dan juga ketidakstabilan CRS.



SSM juga telah memberikan **pengecualian perintah mahkamah** untuk pendaftaran gadaian.



Bagi tarikh ujudan gadaian sehingga **31.7.2026**.

Q DIDALAM CRS, TERDAPAT KEPERLUAN MENYATAKAN BUTIRAN LOAN TENURE DAN CHARGE EXPIRY DATE YANG PERLU DILENGKAPKAN BAGI MEMBUAT PERMOHONAN PENDAFTARAN GADAIAN. APAKAH MAKLUMAT YANG PERLU DINYATAKAN?



LOAN TENURE

Maklumat tempoh pinjaman merujuk kepada tempoh masa yang ditetapkan untuk melunaskan sepenuhnya pinjaman tersebut.



CHARGE EXPIRY DATE

Maklumat tempoh matang pinjaman, di mana pinjaman itu dijangka selesai sepenuhnya.



NOTA: Semua maklumat ini perlu diperolehi daripada pihak pemberi pinjaman.

Q BAGAIMANA UNTUK MENGISI MAKLUMAT "IMPORTANT COVENANTS OR TERMS AND CONDITIONS OF THE INSTRUMENT OF CHARGE" JIKA PELANGGAN MAHU MENGISI MAKLUMAT LEBIH DARI KARAKTER YANG DITETAPKAN?



Sekiranya maklumat terms and conditions lebih dari yang ditetapkan pelanggan boleh membuat **lampiran** dan **memuat naik** (attachment dan upload) pada **supporting documents**.

